

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH
(SANDAKAN)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH [SANDAKAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kutipan GST dari Sabah setiap tahun sejak perlaksanaan mengikut pecahan bidang-bidang industri.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah hasil bersih kutipan GST bagi tempoh 1 April 2015 hingga 31 Disember 2015 adalah sebanyak RM27.012 bilion. Manakala bagi tahun 2016, jumlah hasil bersih kutipan GST bagi tempoh 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016 adalah sebanyak RM41.206 bilion. Memandangkan GST adalah cukai di peringkat Kerajaan Persekutuan yang dikenakan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, maka ia dikutip secara keseluruhannya tanpa mengambil kira lokasi pendaftaran perniagaan

atau pendaftaran perlesenan dibuat dan lokasi perniagaan dijalankan di sesuatu negeri atau daerah. Dalam konteks ini, kutipan cukai GST di mana-mana negeri atau daerah tidak menggambarkan bahawa kutipan tersebut adalah berkaitan secara langsung dengan aktiviti ekonomi di tempat berkenaan. Di samping itu, hasil GST import juga lebih tertumpu kepada negeri-negeri yang mempunyai pelabuhan utama. Walau bagaimanapun, berdasarkan pentadbiran aktiviti pengutipan GST yang dibuat mengikut lokasi pengimportan serta pembekalan barangan dan perkhidmatan, kutipan mengikut lokasi masih direkodkan di peringkat negeri-negeri. Dalam hubungan ini, jumlah kutipan bersih hasil GST di negeri Sabah bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM0.66 bilion dan RM1.10 bilion bagi tahun 2016.

Berhubung dengan kutipan GST di negeri Sabah mengikut pecahan bidang industri, secara asasnya kutipan GST tempatan bagi negeri ini disumbangkan oleh 5 sektor utama seperti berikut:

Bil.	Sektor	2015 RM (bilion)	2016 RM (bilion)
1.	Peruncitan dan pemborongan	0.19	0.35
2.	Pembuatan	0.13	0.19
3.	Pembinaan	0.08	0.21
4.	Kewangan dan insuran/ takaful	0.05	0.10
5.	Professional, saintifik dan teknikal	0.05	0.11